

27 JAN 1999

PETRONAS-BON

PELABURAN PETRONAS DALAM BON KERAJAAN BUKAN PERKARA BARU, KATA HASSAN

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Penyertaan Petronas dalam bon kerajaan bukan sesuatu perkara baru kerana ia sudah menjadi tradisi perbadanan minyak kebangsaan itu untuk memperuntukkan sebahagian daripada rizabnya untuk kertas Kerajaan, kata ketua pegawai eksekutifnya Tan Sri Mohd Hassan Marican, hari ini.

"Mengikut kebiasaannya, sebahagian daripada portfolio pelaburan kami termasuklah bon Kerajaan. Ia sepatutnya bukan menjadi satu persoalan," katanya sebagai merujuk kepada bon yang dijangka diterbitkan oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi.

Petronas telah dikenalpasti oleh kerajaan sebagai satu daripada pembeli bon tersebut.

"Kami sering melakukannya dan akan meneruskan tradisi itu. Jika terdapat peluang untuk melabur dalam kertas Kerajaan kami akan melakukannya," katanya kepada sidang akhbar selepas menandatangani perjanjian PSC dengan Murphy Oil Corporation, sebuah syarikat petroleum bebas yang berpangkalan di Amerika Syarikat.

Hassan berkata ketika ini Petronas melabur 12 hingga 15 peratus daripada rizabnya dalam bon kerajaan tetapi ia tidak menetapkan peratusan tertentu untuk dilaburkan dalam instrumen seumpama itu.

Apabila ditanya sama ada Petronas mempunyai rancangan untuk menerbitkan bon baru tahun ini, Hassan berkata banyak faktor perlu dipertimbangkan terlebih dahulu.

Ia akan bergantung kepada keadaan pasaran, permintaan pelabur dan penetapan harga serta sama ada syarikat lain di Asia turut menawarkan bon-bon.

Beliau menyatakan Malaysia dan Petronas mempunyai pengikut pelabur pendapatan tetap (seperti bon) yang tidak mengambil pandangan tergesa-gesa terhadap situasi ekonomi dan politik negara ketika ini.

"Masih terdapat permintaan dan keyakinan terhadap bon yang diterbitkan," katanya.

Hassan menegaskan bahawa Petronas sering berhubungan dengan pelabur-pelaburnya kerana syarikat itu mempunyai bon tertunggak dalam pasaran.

Justeru itu, kumpulan 28 anggota pengurus dana asing yang menemui pegawai-pegawai Petronas semalam bukanlah muka baru bagi syarikat itu, katanya.

Pengurus dana itu yang datang dari Amerika Syarikat dan Eropah berada di negara ini dalam pameran bergerak yang dikendalikan oleh Salomon Smith Barney, penasihat kewangan kerajaan.

Mereka menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu taklimat tertutup di sini pada Isnin.

Pameran bergerak seumpama itu akan memberikan maklumat lengkap dan terkini mengenai negara yang seterusnya membawa kembali keyakinan pelabur ke negara ini kata Hassan sambil menambah Petronas akan membawa kumpulan pelabur lain pada bulan depan.

-- BERNAMA

AD ZK MA